



## **UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK SERI Dr. AHMAD BIN MASLAN  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYERAHAN**

**PROJEK PEMBINAAN JALAN BAHARU DARI JALAN  
PERSEKUTUAN FT3208 KE JALAN 132 KAKI DI KAWASAN  
UMW HIGH VALUE MANUFACTURING PARK (UMW HVMP),  
SERENDAH, SELANGOR**

**15 MEI 2026 | JUMAAT | 3.30 PETANG**

**LOKASI : TAPAK PROJEK**

## **SALUTASI**

<<<<< Disediakan berasingan oleh Urus Setia >>>>>

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

*Burung merbah terbang beriring,  
Hinggap sebentar di pohon sena;  
Jalan baharu menghubungkan jaringan,  
Memacu ekonomi dan kesejahteraan negara.*

1. Izinkan saya terlebih dahulu merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada barisan pegawai - pegawai dari Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya (JKR), wakil dari semua agensi dan kontraktor kerana sudi meluangkan masa hadir bersama dalam majlis penyerahan projek yang amat bermakna ini.
2. Majlis pada hari ini amat signifikan kerana ia bukan sahaja menandakan kejayaan menyiapkan sebuah projek jalan yang berimpak tinggi, malah menjadi simbol kerjasama erat antara, KKR, JKR dan semua agensi dalam memastikan kelangsungan jaringan jalan raya bagi kesejahteraan rakyat khususnya.

3. Kebersamaan dan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Sri / Dato – Dato, tuan - tuan dan puan - puan pada pagi ini, mencerminkan kesatuan dan semangat berpasukan serta kejituan dalam menzahirkan projek infrastruktur jalan raya yang bakal memberi manfaat besar dan segera kepada rakyat.

## **PERANAN KKR & JKR**

4. KKR sebagai pelopor infrastruktur negara dengan kerjasama erat bersama JKR yang dipertanggungjawabkan dan telah diberikan mandat untuk melaksanakan projek ini dengan sebaik mungkin. Alhamdulillah, dengan kesatuan ini, satu lagi projek jalan raya untuk rakyat berjaya disiapkan dengan berkualiti, selamat, serta menepati piawaian yang ditetapkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua terlibat terutama pasukan projek di Cawangan Jalan, JKR Malaysia dan kontraktor RSM Builders Sdn. Bhd.
5. Terima kasih juga kepada semua agensi yang berganding tangan merealisasikan projek ini. Ia merupakan contoh terbaik yang membuktikan sinergi antara kementerian dan agensi mampu melahirkan pembangunan yang benar-benar memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

## KEPENTINGAN PROJEK

Hadirin sekalian,

6. Pembinaan jalan baharu ini merupakan satu projek infrastruktur penting yang menyokong pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam memperkukuh ekosistem perindustrian di kawasan Serendah, Selangor dan sekitarnya.
7. Projek ini bukan sekadar pembinaan jalan raya semata-mata, tetapi merupakan pemangkin kepada:
  - Peningkatan aksesibiliti dan kesalinghubungan rangkaian jalan;
  - Kelancaran pergerakan logistik dan rantai bekalan industri;
  - Penjimatan masa perjalanan dan kos operasi; dan
  - Pengurangan kesesakan trafik di laluan sedia ada.
8. Dengan siapnya projek ini, kawasan sekitar akan mendapat akses yang lebih efisien dan sistematik, seterusnya meningkatkan daya saing kawasan perindustrian ini sebagai hab pelaburan berteknologi tinggi.
9. KKR dan JKR akan terus menyediakan jaringan jalan raya yang berkualiti, selamat dan membantu kemudahan kepada rakyat secara langsung. Majlis penyerahan hari ini bukanlah semata-mata penyerahan projek jalan, tetapi penyerahan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada KKR dan JKR untuk disempurnakan kepada rakyat.

## **PENGHARGAAN DAN HARAPAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Sesungguhnya kejayaan projek ini mencerminkan keupayaan sektor pembinaan negara dalam melaksanakan projek infrastruktur berkualiti demi kesejahteraan rakyat.
11. Saya amat menghargai usaha, dedikasi serta komitmen semua pihak yang terlibat di peringkat perancangan, reka bentuk, perolehan, pembinaan dan penyerahan sehingga siapnya projek ini.
12. Adalah menjadi harapan Kementerian Kerja Raya agar kemudahan jalan baharu ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna, diselenggara dengan baik secara berterusan dan menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan Serendah secara mampan.
13. Kita mahu setiap projek infrastruktur memberi impak jangka panjang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

## **PENUTUP**

14. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi - tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya sukacitanya menyempurnakan **Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Jalan Baharu dari Jalan Persekutuan FT3208 ke Jalan 132 Kaki di Kawasan UMW High Value Manufacturing Park (UMW HVMP), Serendah, Selangor.**

Sekian, Terima Kasih,

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.